




**SAHARUL
AMYRA
& REDZA
SEINDAH TAKDIR
CINTA**



**EKSKLUSIF
& MENARIK**

Cara Hindar
Kehendak Nafsu

**KAHWIN SELEPAS
BULAN PUASA**

Duda Sensasi
Sanding Raya
Ketiga

**MIA AHMAD DAN
PENJAGA GOL JDT**

Mira Filzah Berdoa
Depan Kaabah

**JANNA NICK
TERKILAN**

Alyah Rebah
Pitam Di India

**SIAPA NAK BUNUH
KERABAT RAJA**



ISSN 1511-0582
06
0-771511-058187
PP 1415/07/2013 (032651)
urTV MICA (P) 224/09/2007
Sem. Malaysia RM5.00
(Termasuk GST)

edisi 893
1-30 JUN 2016

ZAHIM ALBAKRI

Ada Sebab Kembali Berlakon

DAH lama rasanya tak dengar khabar mengenai pengarah dan pelakon popular era-90an, **Datuk Zahim Albakri**. Terbaru, diberitahu, beliau dah kembali berlakon. Akan muncul dalam filem **Temuan Takdir** yang akan menemui penonton **11 Ogos** ini.

Kata Datuk Zahim, dia terima tawaran berlakon ini kerana rasa rindu untuk beraksi semula. Walaupun awalnya agak berat menerima tawaran tersebut, tapi beliau menganggap ini sebagai peluang untuk muncul semula bagi mengubat kerinduan peminat.

"Dah lama juga saya ni jarang berlakon. Banyak mengarah teater dan filem. Seingat saya, drama pertama saya berlakon 1988. Selalunya hanya jadi pengarah di belakang tabir, tapi sekarang jadi pemain di depan kamera semula," katanya.

"Dalam filem **Temuan Takdir**, saya ditawar

oleh pengarah, **Dhyan Vimal** untuk berlakon semula. Mulanya, beliau beritahu hanya watak tambahan. Bila dah sampai ke set berubah, kena bawa watak utama pula.

"Sebab dah kenal Dhyan, saya terima juga tawaran tersebut. Lama dah tak berlakon. Sedikit gementar. Nasib baiklah watak yang ada tak terlalu berat dan mengikut karakter yang sesuai dengan saya.

"Dalam filem ini saya jadi seorang pegawai polis dan perlu membawa watak serius. Ia taklah terlalu sukar. Sebab memang karakter saya begini juga. Jadi, tak ada lah terlalu mencabar.

"Menjadi pengarah dan pelakon sedikit berbeza. Jadi pengarah kita perlu tonjolkan dan bentuk watak pelakon yang kita nak. Manakala, seorang pelakon pula perlu membawakan watak yang diminta oleh pengarah. Dua-duanya mencabar," katanya sambil mengulas mengenai kemunculan artis baru.

"Pelakon sekarang berani untuk mencuba



sesuatu yang berbeza. Itu menarik. Ramai yang berbakat dan hebat. Mereka boleh pergi lebih jauh. Kebanyakan pelakon baru kita ada bakat tapi mungkin watak yang diberi atau karya tersebut tak berapa kena dengan mereka," kata Datuk Zahim.

Mesti ramai peminat Datuk Zahim yang tak sabar nak saksikan penampilan beliau sebagai seorang pegawai polis dalam filem **Temuan Takdir**. Kalau nak tengok kehebatannya sebagai pelakon, jangan lupa saksikan **11 Ogos** ini di pawagam.

QARAMI: *Nak jadi pelakon, jangan harapkan muka lawa dan segak saja. Bakat kena ada sama. Barulah serasi. Kan?*